

NASIONAL

UM ke-70 terbaik dunia

Naik 17 anak tangga berbanding tahun lalu berdasarkan QS World University Ranking 2020

MUHAMMAD SHAMSUL
ABD GHANI

KUALA LUMPUR

Universiti Malaya (UM) naik 17 anak tangga berbanding tahun lalu untuk berada di kedudukan ke-70 universiti terbaik dunia berdasarkan Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking 2020 yang dikeluarkan semalam.

Dengan perolehan skor keseluruhan sebanyak 67.1 peratus iaitu peningkatan sebanyak 7.2 peratus berbanding tahun lalu, UM berjaya ditempatkan dalam kalangan 100 universiti terbaik dunia daripada 1,001 institusi yang disenaraikan oleh QS-WUR.

Naib Canselor UM, Datuk Ir Dr Abdul Rahim Hashim yang ternyata gembira dan bersyukur dengan kedudukan terkini UM itu menegaskan bahawa pihak

universiti akan terus komited untuk meningkatkan taraf pendidikan tinggi di Malaysia.

"Pencapaian ini juga sejajar dengan misi kami untuk diiktiraf sebagai institusi pengajian tinggi yang berprestij terutama dalam segmen pengajaran pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan inovasi," katanya menerusi satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau turut berterima kasih kepada semua pihak yang bertungkus-lumus meletakkan UM di kedudukan terkini yang semakin baik.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Canselor, Pro-Canselor dan Lembaga Pengarah atas sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi. Terima kasih dan tahniah kepada komuniti UM yang terdiri daripada pelajar, kakitangan dan alumni atas komitmen serta sumbangan mereka."

"Terima kasih atas sokongan yang diberikan Kementerian Pendidikan yang telah membolehkan UM berjaya memainkan peranan utama dalam usahanya untuk meningkatkan profil institusi pendidikan tinggi Malaysia di peringkat antarabangsa," katanya.

Sebanyak 20 institusi pendidikan tinggi tempatan (awam dan

500 UNIVERSITI TERBAIK DUNIA

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS



swasta) di Malaysia tersenarai dalam kedudukan 1,001 universiti terbaik dunia dengan 10 daripadanya mencatat peningkatan, dua tidak berubah, tujuh penyerataan baharu dan satu menurun.

Massachusetts Institute of Technology (MIT), Amerika Syarikat terus mengungguli rekod universiti terbaik dunia untuk tahun kelapan berturut-turut, manakala universiti terbaik Asia, Nanyang Technological University (NTU) dan National University of Singapore (NUS) kedua-duanya dari Singapura meraih kedudukan ke-11 dunia.



UM berjaya ditempatkan dalam kalangan 100 universiti terbaik dunia daripada 1,001 institusi yang disenaraikan oleh QS-WUR semalam.